


Newspaper	Berita Harian
Date	10 July 2015



Najib hadir majlis tahlil dan bacaan Yasin, Allahyarham Tan Sri Jamaluddin Jarjis di Masjid Negara, semalam. Yang turut hadir, anak lelaki Allahyarham, Ikhwan Hafiz (tengah) dan Ahli Parlimen Rompin, Datuk Hasan Arifin (kiri).
[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

10/7/2015

Tunggu laporan penuh audit

» **Segala tohmahan, persoalan akan dijawab: PM**

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar
faridzwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, laporan penuh Ketua Audit Negara berhubung status kewangan dan operasi IMalaysia Development Berhad (IMDB) akan

menjawab segala persoalan dan tohmahan yang dilemparkan selama ini.

Berikutan itu, Perdana Menteri meminta rakyat menunggu Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, menyiapkan audit terhadap IMDB dan kemudian menilai sendiri laporan berkenaan yang akan dibentangkan.

Elak spekulasi

"Adakah benar wang berbilion ringgit lesap seperti yang didakwa sesetengah pihak ini? Kita tunggu laporan Ketua Audit Negara siap dan tengok sama ada ia betul atau tidak. Saya tidak mahu buat apa-apa pengumuman mengenainya.

"Biar Ketua Audit Negara yang beritahu. Kalau tidak betul, apa kita hendak buat pada orang yang cakap berbilion ringgit hilang ini?" katanya yang disambut sorakan gemuruh daripada kira-kira 2,000 jemaah ketika berucap di Masjid Salahuddin A1 Ayyubi di Taman Melati, di sini malam tadi.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan pemimpin komuniti sekitar Taman Melati dan Wangsa Maju.

Perdana Menteri berharap orang ramai tidak membuat spekulasi berhubung isu IMDB dan menilai terlebih da-

hulu segala maklumat yang diterima menerusi media sosial berhubung perkara itu.

Tuduhan mengarut

Katanya, beliau mendapati terlalu banyak perkara yang boleh disifatkan sebagai mengarut dan tidak betul berlegar di ruang siber, susulan pelbagai tohmahan yang dilemparkan terhadap beliau dan pentadbiran negara berhubung IMDB.

"Segala benda yang karut-marut dalam media sosial ini jangan dengar. Banyak sangat karut-marut dalam media sosial dan bukan semua benar. Kebenaran akan muncul juga pada akhirnya," katanya.